

0748

U 8 2 3 3 AAB
MAHATHIR - MELAYU RRR

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA) -- BANGSA MELAYU HARUS BERANI MENERAPKAN UNSUR-UNSUR TAMADUN LAIN DAN MENGGUGURKAN ASPEK YANG TIDAK SESUAI DENGAN PEREDARAN ZAMAN DALAM USAHA MENGEJAR KEGEMILANGAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, BANGSA MELAYU PERLU BERANI MENUKAR NILAI-NILAI HIDUP YANG TELAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA TAMADUNNYA YANG JELAS MENGHALANG KEJAYAAN BANGSA.

+JIKA HARI INI KITA BERPENDAPAT BAHAWA TAMADUN KITA TIDAK GEHILANG SEPERTI TAMADUN DI MASA YANG LALU, SEBABNYA IALAH KERANA ADA NILAI-NILAI YANG TIDAK BAIK DALAM TAMADUN YANG KITA WARISI SEKARANG, + KATANYA SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA TAMADUN MELAYU KALI KEDUA DI SINI HARI INI. PERSIDANGAN LIMA HARI ITU DISERTAI OLEH LEBIH 300 PESERTA DARI 25 BUAH NEGARA.

BELIAU BERKATA SEKIRANYA TAMADUN MELAYU TIDAK MAHU DIJADIKAN KAJIAN ZAMAN SILAM, BANGSA MELAYU HARUS MENERIMA DAYA PENYESUAIAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA CIRI TAMADUNNYA.

+IA TIDAK AKAN MENGHAPUSKAN TAMADUN MELAYU. SEBALIKNYA IA AKAN MEMBANTU MENGEKALKAN TAMADUN ITU WALAUPUN AKAN TERDAPAT SEDIKIT SEBANYAK PERBEZAAN ANTARA DAHULU DAN SEKARANG, + TAMBAHNYA. -- LAGI.
1825MST 15 0 8 8 9

0749

U B234 A A B
MAHATHIR - MELAYU 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KAJIAN MENGENAI TAMADUN MELAYU SEMASA DAN ABAD KE-21 PERLU MENUMPUKAN PERKEMBANGAN CIRI-CIRI YANG ADA KAITAN DENGAN MAJU MUNDURNYA BANGSA MELAYU.

KATA BELIAU, KAJIAN ITU MEMERLUKAN KEJUJURAN INTELEKTUAL TANPA MENIDAKKAN KEBURUKAN SESUATU UNSUR TAMADUN HANYA KERANA SESUATU UNSUR ITU MENCERMINKAN PERIBADI TAMADUN SENDIRI.

+JIKA SESUATU UNSUR ITU BURUK, KITA MESTILAH BERANI MENYATAKAN IANYA BURUK. TIDAK ADA SESUATU YANG LEBIH BURUK DARIPADA MENGEKALKAN YANG BURUK SEMATA-MATA KERANA SENTIMEN DAN KEBONGKAKAN.

+YANG BURUK MESTILAH DIHAPUSKAN WALAUPUN IANYA SEBAHAGIAN DARIPADA IDENTITI KITA. SUDAH TENTULAH UNSUR YANG MENJADI PENGHALANG KEPADA KEJAYAAN HARUS DIKIKIS, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MENGENALI UNSUR YANG TIDAK BAIK YANG TERDAPAT DI ZAMAN DAHULU, SAMA ADA GEMILANG ATAU TIDAK, MERUPAKAN USAHA YANG TIDAK BOLEH DIABAIKAN KERANA MENGULANGI KESALAHAN AKAN MEMBAWA KESAN BURUK YANG SAMA SEPERTI BERLAKU DAHULU. -- LAGI.
1827MST 15 08 89

U B235 A A B

MAHATHIR - MELAYU 3 KUALA LUMPUR

DENGAN **MENGAMBIL** CONTOH ZAMAN KEGEMILANGAN HELAYU **MELAKA**, DATUK SERI DR MAHATHIR **MENINGGATKAN** BAHAWA ZAMAN ITU **JUGA** MELAHIRKAN **ORANG-ORANG** SEPERTI KITOL DAN RAJA MENDALIAR **IAITU** PENGKHIANAT KEPADA **BANGSA** MELAYU.

BELIAU **BERKATA**, TAMADUN **BARAT** BUKAN SAHAJA DAPAT **MERAMPAS** SECARA FIZIKAL WILAYAH-WILAYAH **MELAYU** TETAPI **JUGA CIRI-CIRI** TAMADUN MELAYU SENDIRI DISERANG DAN DIMUSNAHKAN SEHINGGA ORANG MELAYU TIDAK **LAGI** **KENAL ASPEK-ASPEK** TERTENTU TAMADUN MEREKA DAN **MENGANGGAP** SEMUA YANG **MEREKA MILIKI** ADALAH TIDAK BAIK.

SESUATU TAMADUN TIDAK TERBENTUK SEKELIP **MATA** TETAPI **MENGAMBIL** MASA YANG LAHA UNTUK MEMPEROLEHI **CARA, NILAI** DAN **AMALAN** YANG **UNGGUL**, KATANYA DAN MENAMBAH IANYA AKAN BERUBAH KERANA PEMIKIRAN BARU DAN **TEKANAN ALAM** SEKELILING.

PERDANA MENTERI BERKATA, SETIAP TAMADUN YANG BERDAYA MAJU **MEMPUNYAI** SIFAT-SIFAT **DINAMIS** DAN IANYA BERUBAH APABILA PERUBAHAN **DIPERLUKAN**.

TAMADUN YANG TIDAK **BERUBAH**, YANG BEKU DAN TIDAK DAPAT MEMBENTUK **CARA, NILAI** DAN **AMALAN** YANG **BARU**, DEMI **PENYESUAIAN** DAN KEPERLUAN **MASA** DAN **TEMPAT**, AKAN **MATI** DAN **LUPUT**, TAMBAHNYA SAMBIL MEMBERI CONTOH TAMADUN **MESIR LAMA, PHOENICIA, GREEK** DAN **MONGOL**. -- **LAGI**.
1829MST 15 08 89

U B252 A A B

MAHATHIR - MELAYU 4 KUALA LUMPUR

BELIAU **BERKATA** WALAUPUN DIKALAHKAN OLEH **TAMADUN BARAT, BANGSA** MELAYU HARUS BERSYUKUR KERANA TAMADUNNYA TIDAK **HILANG** KESEMUA **CIRI-CIRINYA** DAN MASIH **HIDUP** MESKIPUN KADANG KALA SUKAR MENCARI PERSAMAAN ANTARA TAMADUN MELAYU SEKARANG DAN TAMADUN MELAYU YANG **DIKATAKAN ASLI** **PADA ZAMAN GEMILANG** DAHULU.

TAMBAHNYA, TAMADUN YANG **MEMBAWA** KEJAYAAN DALAM SATU ZAMAN TIDAK SEMESTINYA MEMBAWA KEJAYAAN YANG **SAMA** DI ZAMAN YANG **LAIN** MANAKALA TAMADUN **LAMA** YANG TIDAK BERUBAH TETAP AKAN MEMBAWA KEGAGALAN JIKA **DITERUSKAN**.

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT WARISAN KEGEMILANGAN TIDAK AKAN BERMAKNA SEKIRANYA IANYA TIDAK DISUSULI DENGAN TINDAKAN DAN USAHA YANG NYATA KE ARAH KEGEMILANGAN ZAMAN **INI** DAN AKAN DATANG.

MENURUTNYA, SISTEM PERHUBUNGAN YANG ADA **KINI** MENJADIKAN DUNIA IBARAT SEBUAH **KAMPUNG** SEHINGGA TIDAK ADA MASYARAKAT YANG **BOLEH** **MENGASINGKAN** ATAU MEMULAKAN **DIRI** DARIPADA DUNIA LUAR.

+BERDASARKAN HAKIKAT **INI**, AMATLAH PENTING AGAR PENGEKALAN **TAMADUN LAMA** TIDAKLAH SEHINGGA MELEMAHKAN **KITA** DAN MENYEBABKAN **KITA** KETINGGALAN DI **BELAKANG**,+ KATANYA.

+APA GUNANYA TAMADUN JIKA **KITA** TIDAK MEMPEROLEHI **KEBAHAGIAAN** **HIDUP?** TAMADUN YANG TIDAK MEMBAWA KEJAYAAN AKAN **MENJADI BAHAN** **BACAAN**,+ KATA BELIAU.

- - **LAGI**.

1859MST 15 08 89

0773

U 6270 AAB
MAHATHIR - HELAYU 5 KUALA LUHPUR

DATUK SERI DR HAHATHIR KEHUDIAN HELANCARKAN BUKU +TAHADUN HELAYU+ TERBITAN **DEWAN** BAHASA DAN PUSTAKA. BELIAU JUGA HELAWAT PAMERAN HANUSKRIP HELAYU YANG DIADAKAN SEHPENA PERSIDANGAN ITU.

KETIKA BERUCAP SEBELUH **ITU**, HENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DATUK SABBARUDDIN CHIK **BERKATA**, PENKKAJIAN TAHADUN DAN KEBUDAYAAN HELAYU OLEH **PARA SARJANA DARI ASIA, AFRIKA, AHERIKA** DAN EROPAH KETIKA **INI** HENUNJUKKAN DUNIA SEBELAH **SINI** HERUPAKAN KAWASAN YANG DIPERCAYAI HEHPUNYAI PERKEMBANGAN DAN PERTUHBUNAN EKONOMI YANG PESAT DI **ABAD 21 BERBANDING KAWASAN LAIN.**

KATANYA, KIRA-KIRA 760 SARJANA EROPAH SELAIN DARIPADA SARJANA-SARJANA **JEPUN, CHINA, KOREA** DAN AUSTRALIA **KINI** TERLIBAT DALAH PENKKAJIAN HENGENAI TAHADUN HELAYU.

SEBELUH **ITU**, KETIBAAN **PERDANA** HENTERI DISAHBUT **SECARA** TRADISIONAL HELAYU DENGAN IRINGAN **BUNGA HANGGAR** DAN SILAT HELAYU.

TURUT HADIR **PADA** HAJLIS ITU IALAH HENTERI DI JABATAN **PERDANA** HENTERI DATUK DR HOHD YUSOF **NOR**, TIHBALAN HENTERI DALAH NEGERI DATUK HEGAT JUNID HEGAT AYUB DAN KETUA **POLIS** NEGARA TAN SRI HOHD HANIFF OHAR.

SEBANYAK 92 KERTAS KERJA AKAN DIBENTANGKAN **PADA** PERSIDANGAN ITU YANG DIANJURKAN OLEH KEHENTERIAN KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DENGAN KERJASAHA PENERBANGAN HALAYSIA (**MAS**), DBP DAN AKHBAR BERITA HARIAN.

ANTARA PEHBENTANG KERTAS KERJA **DARI** LUAR NEGERI IALAH WARTAWAN DAN **NOBELIS** TERKENAL MOCHTAR LUBIS (INDONESIA), DR. PETER S. **BELLWOOD** (AUSTRALIA), **PROF. YOSHIKI** ISHIRAWA (JAPUN), L. FRANK HANTHO TOUNEH (AMERIKA **SYARIKAT**), **PROF KHANG KYOUNG SEOCK** (KOREA **SELATAN**), DR. **LAWRENT HETZGER** (PERANCIS), DR. LUIS FELIPE FERREIRA REIS THOMAS (PORTUGIS), **PROF. ZEUS A. SALAZAR** (FILIPINA), **PROF WU ZONG YU** (CHINA), DR. **KRAUS WERNER** (JERMAN BARAT) DAN **PROF VLADILEN ALEXADEROVITHCH TSYGANOV** (SOVIET UNION). -- BERNAHA.

1920HST 15 08 89